



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## PANDUAN PENTADBIRAN

# PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



PEJABAT PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kampus Bachok, Beg Berkunci No. 01, 16300 Bachok, Kelantan Darul Naim, Malaysia  
Tel : 09 - 779 7000 Emel : bsm@umk.edu.my

**PANDUAN PENTADBIRAN**

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Cetakan pertama, 14 Mac 2013  
Kemaskini, 22 Ogos 2017

UNIT PERKHIDMATAN  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

1.0	TUJUAN .....	2
2.0	SYARAT-SYARAT DAN PROSEDUR PERKHIDMATAN.....	2
2.1	Syarat-Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Staf (Bukan Akademik) .....	2
2.2	Syarat-Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Staf (Akademik) .....	3
2.3	Syarat-Syarat Tambahan.....	4
3.0	PENGECUALIAN MENDUDUKI SEMULA KURSUS INDUKSI .....	5
4.0	PENGECUALIAN MENDUDUKI SEMULA PEPERIKSAAN .....	5
5.0	PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN .....	6

## **1.0 TUJUAN**

Panduan ini disediakan untuk memberi penjelasan kepada staf Akademik dan Bukan Akademik berhubung syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan, pengecualian yang layak dipohon serta pelanjutan tempoh percubaan bagi staf yang gagal disahkan dalam tempoh yang ditetapkan.

## **2.0 SYARAT-SYARAT DAN PROSEDUR PERKHIDMATAN**

### **2.1 Syarat-Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Staf (Bukan Akademik)**

2.1.1 Setiap Skim Perkhidmatan menyatakan dengan jelas syarat-syarat pengesahan ke dalam perkhidmatan. Seseorang staf yang dilantik ke jawatan baharu pada umumnya tertakluk kepada syarat-syarat pengesahan seperti berikut:

- i. Telah menjalani tempoh percubaan yang ditetapkan iaitu satu (1) hingga tiga (3) tahun bagi semua jenis pelantikan ke jawatan baharu atau staf yang belum berkhidmat di mana-mana jabatan kerajaan sebelum berkhidmat di UMK;
- ii. Hadir dengan jayanya dan lulus Kursus Induksi Umum dan Khusus atau bagi lantikan selepas 1 Januari 2013 perlu hadir dengan jayanya dan lulus Program Transformasi Minda;
- iii. Hadir dengan jayanya Program Orientasi Staf Baharu/ Program Kenali UMK;
- iv. Hadir dengan jayanya Kursus Keusahawanan bagi lantikan selepas 1 Januari 2014;
- v. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan (seperti yang dinyatakan dalam Skim Perkhidmatan tertentu);
- vi. Markah purata Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi staf yang belum disahkan dalam tempoh melebihi dua (2) tahun; atau

- markah 80% bagi staf yang belum disahkan dalam tempoh kurang daripada dua (2) tahun (bagi kes-kes tertentu Jawatankuasa berhak mengambil kira pengalaman terdahulu) dan
- vii. Diperakukan layak untuk disahkan ke dalam perkhidmatan oleh Ketua Jabatan.

## **2.2 Syarat-Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Staf (Akademik)**

- 2.2.1 Setiap Skim Perkhidmatan menyatakan dengan jelas syarat-syarat pengesahan ke dalam perkhidmatan. Seseorang staf yang dilantik ke jawatan baharu pada umumnya tertakluk kepada syarat-syarat pengesahan seperti berikut:
- i. Telah menjalani tempoh percubaan yang ditetapkan iaitu satu (1) hingga tiga (3) tahun bagi semua jenis pelantikan ke jawatan baharu atau staf yang belum berkhidmat di mana-mana jabatan kerajaan sebelum berkhidmat di UMK;
  - ii. Hadir dengan jayanya dan lulus Kursus Induksi Umum dan Khusus atau bagi lantikan selepas 1 Januari 2013 perlu hadir dengan jayanya dan lulus Program Transformasi Minda;
  - iii. Hadir dengan jayanya Program Orientasi Staf Baharu/ Program Kenali UMK;
  - iv. Hadir dengan jayanya Kursus Keusahawanan bagi lantikan selepas 1 Januari 2014;
  - v. Markah purata Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi staf yang belum disahkan dalam tempoh melebihi dua (2) tahun;  
atau  
markah 80% bagi staf yang belum disahkan dalam tempoh kurang daripada dua (2) tahun (bagi kes-kes tertentu Jawatankuasa berhak mengambil kira pengalaman terdahulu) dan
  - vi. Lulus dengan jayanya Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (Modul Asas);

- vii. Sepanjang tempoh percubaan satu (1) hingga tiga (3) tahun, staf akademik perlu memenuhi syarat seperti berikut:
- Pensyarah Gred DS45
    - Menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) penulisan dan melaksanakan satu (1) geran penyelidikan (sebagai ketua/ahli) serta melibatkan diri dalam khidmat masyarakat
  - Pensyarah Kanan Gred DS51
    - Menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) penulisan dan melaksanakan satu (1) geran penyelidikan sebagai (ketua/ahli) serta melibatkan diri dalam khidmat masyarakat.
  - Profesor Madya Gred DS53 dan Profesor Gred Khas C,B,A
    - Menerbitkan sekurang-kurangnya tiga (3) penulisan dan melaksanakan satu (1) geran penyelidikan (sebagai ketua) serta melibatkan diri dalam khidmat rundingan dan khidmat masyarakat. (Penulisan yang diterbitkan berbentuk Ilmiah dan Geran penyelidikan mestilah berdaftar dengan Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO));
- viii. Diperakukan layak untuk disahkan ke dalam perkhidmatan oleh Ketua PTJ dalam perkhidmatan hakiki atau Ketua PTJ (perkhidmatan semasa sekiranya dipinjamkan ke PTJ lain)

## 2.3 Syarat-Syarat Tambahan

- Mengemukakan satu (1) salinan surat tawaran melanjutkan pengajian dan keputusan ‘International English Language Testing System (IELTS)’ dengan keputusan 6.0 (dalam Negara) / 6.5 (luar Negara) atau ‘Test Of English As A Foreign Language (TOEFL)’ dengan keputusan 600 (*paper based*) / 240 (*computer based*) / 92 (*internet based*) (bagi staf akademik gred DS45 dan ke atas yang belum mempunyai kelulusan akademik peringkat Ijazah Doktor Falsafah);

- 2.3.2 Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib
- 2.3.3 Telah mengisyiharkan harta
- 2.3.4 Pihak Berkuasa Melantik berhak mengesahkan staf dalam kes-kes tertentu demi kepentingan Universiti (tertakluk kepada budi bicara Jawatankuasa)

### **3.0 PENGECUALIAN MENDUDUKI SEMULA KURSUS INDUKSI**

- 3.1 Bagi semua lantikan baru pada atau selepas 1 Januari 1992, anggota dikehendaki mengikuti **Kursus Induksi** sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan.
- 3.2 Jawatankuasa Peperiksaan, Kompetensi & Latihan UMK telah membuat keputusan bahawa staf yang dilantik daripada luar UMK ke jawatan dalam Kumpulan yang sama di UMK dan telah menduduki Kursus Induksi, dikehendaki menduduki Kursus Induksi Khusus walaupun dikecualikan Kursus Induksi Umum.

**Catatan:** *Pengecualian menduduki semula Kursus Induksi akan diberi berdasarkan permohonan dan bukan secara automatik. Staf yang ingin memohon pengecualian menduduki semula Kursus Induksi hendaklah mengemukakan permohonan mereka dengan menyertakan sijil dan slip keputusan Induksi.*

### **4.0 PENGECUALIAN MENDUDUKI SEMULA PEPERIKSAAN**

- 4.1 Anggota Perkhidmatan Awam yang telah lulus Peperiksaan Perkhidmatan (mengikut Skim Perkhidmatan yang mensyaratkan), kemudian dilantik semula ke jawatan di bawah Skim Perkhidmatan yang sama di UMK, tidak perlu menduduki semula Peperiksaan Perkhidmatan. Jawatankuasa Peperiksaan, Kompetensi & Latihan UMK bersetuju menerima pakai Peperiksaan Perkhidmatan yang dianjurkan oleh universiti lain.

**Catatan:** *Pengecualian menduduki peperiksaan perkhidmatan akan diberi berdasarkan permohonan dan bukan secara automatik. Staf yang ingin memohon pengecualian menduduki semula peperiksaan hendaklah mengemukakan permohonan mereka dengan menyertakan slip keputusan peperiksaan.*

## **5.0 PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN**

- 5.1 Staf yang gagal disahkan dalam perkhidmatannya boleh dilanjutkan tempoh percubaannya sama ada dengan berdenda atau tanpa denda.
  
- 5.2 Kesan pelanjutan tempoh percubaan dengan berdenda adalah seperti berikut:
  - a. Hilang kekanannya bagi suatu tempoh yang sama dengan tempoh pelanjutan tersebut;
  - b. Tidak layak mendapat apa-apa pergerakan gaji tahunan semasa tempoh pelanjutan percubaannya dengan denda dan
  - c. Diubah tarikh pergerakan gajinya mengikut tarikh pengesahannya berkuatkuasa dan
  
- 5.2 Tempoh percubaan seseorang staf hanya boleh dilanjutkan tidak melebihi dua (2) tahun, tetapi Pihak Berkuasa Melantik boleh dalam keadaan khas melanjutkan tempoh percubaan melebihi dua (2) tahun jika difikirkannya patut.

## **6.0 PERUNTUKAN AM**

- 6.1 Garis Panduan ini tertakluk kepada perubahan terhadap Pekeliling-pekeliling/ Garis Panduan Kerajaan dan Garis Panduan/ Polisi Universiti Malaysia Kelantan yang diluluskan/ diguna pakai dari semasa ke semasa.
  
- 6.2 Garis Panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 4/2013 pada 14 Mac 2013 dan pindaan diluluskan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia Bil. 5/2017 pada 22 Ogos 2017.